

Dr
Mohd Yahya Mohd Ariffin



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Budaya graduan daripada perspektif 1Malaysia

Satu daripada asas utama Gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak ialah membina negara maju dalam kerangka Wawasan 2020. Beliau menggariskan beberapa aspek utama dalam 1Malaysia iaitu budaya progresif dan nilai aspirasi yang perlu dihayati oleh masyarakat termasuk pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

Budaya dan nilai itu perlu ada pada pelajar yang progresif dan dinamik kerana mereka ialah yang akan memacu negara ke arah mencapai status negara maju. Kedua-dua aspek itu akan membantu dalam mewujudkan tenaga kerja yang berdaya maju dan mampu bersaing dalam persekitaran global, seterusnya membantu melonjakkan kedudukan ekonomi negara ke tahap lebih kukuh dan mantap (<http://pmr.penerangan.gov.my>).

Terdapat empat budaya progresif terkandung dalam Gagasan 1Malaysia dengan harapan dapat menyatupadukan rakyat dengan fikiran dan tindakan yang menjurus kepada satu matlamat iaitu untuk Malaysia. Budaya itu ialah budaya berprestasi tinggi, budaya ketepatan, budaya ilmu dan budaya inovasi (Jabatan Perdana

Menteri 2012).

Ruangan ini membincangkan yang dilihat amat sesuai dijadikan amalan dalam kehidupan kampus dan kerjaya bakal graduan.

Budaya berprestasi tinggi

Budaya ini memastikan setiap perkara dan tugas yang dilakukan mencapai tahap terbaik sebaliknya, sikap sambil lewa tidak boleh wujud dalam masyarakat yang berdaya maju.

Pengamalan budaya cemerlang dan berprestasi tinggi akan membawa negara ke tahap pencapaian yang lebih tinggi. Kejayaan dan pencapaian negara bergantung setakat mana budaya kecemerlangan diamalkan oleh rakyatnya.

Budaya itu perlu dilaksa-

nakan secara berterusan dengan mementingkan prestasi sebagai pengukuran tahap pencapaian atau kemajuan sesebuah negara. Sebagai bakal pekerja dan pemimpin masa depan, pelajar IPT harus bertekad menjadikan budaya berprestasi tinggi sebagai amalan hidup.

Budaya berprestasi tinggi itu harus diterapkan dalam kehidupan di kampus termasuk menyiapkan tugas akademik, pencapaian akademik, aktiviti berpersatuan dan sukan.

Budaya ketepatan

Masyarakat Malaysia perlu dikenali melalui pengamalan budaya ketepatan, termasuklah menepati waktu dan mengutamakan kecekapan dalam melaksanakan semua tugas dan kewajipan. Perkhidmatan yang dilakukan mestilah berdasarkan kepada kualiti dan perlu dijalankan

secara berterusan.

Antara aspek ketepatan yang perlu diberi perhatian dan harus dilaksanakan dengan tepat ialah aspek membuat keputusan, janji, masa dan ukuran. Pelajar IPT perlu mengamalkan budaya ini kerana sangat penting dalam membina dan mengukuh sahsiah diri sama ada ketika belajar mahupun bekerja kelak.

Sekadar beberapa contoh, pelajar perlu hadir ke kuliah atau menghantar tugas kepada pensyarah pada masa yang ditetapkan. Pelajar juga mesti menepati janji dengan rakan jika telah membuat komitmen untuk sesi perbincangan. Mengamalkan budaya ketepatan ini mampu meningkatkan kualiti diri pelajar serta amat ditekankan oleh bakal majikan.

Budaya ilmu

Sesebuah negara dianggap

sebagai maju dan berjaya apabila rakyatnya memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi. Dalam konteks 1Malaysia, budaya ilmu bermaksud kecenderungan individu untuk sentiasa memburu pengetahuan yang terkini dan kesediaan untuk menimba ilmu sepanjang hayat (Jabatan Perdana Menteri 2012).

Menurut Wan Mohd Nor (2012) budaya ilmu yang disaran oleh Islam dan semua agama besar di negara ini bertujuan melahirkan manusia berpendidikan yang beradab dan memahami akan batas kebenaran serta kemanfaatan terhadap segala sesuatu dan bertindak sepatutnya. Kekuatan dan ketahanan berasaskan kepada masyarakat yang berpendidikan dan berpengetahuan mengatasi kekuatan ketenteraan.

Budaya membaca mampu

melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu dan mampu nyalai minda yang sentiasa terbuka. Lazimnya, pelajar yang berjaya dalam akademik dan kerjaya disebabkan oleh ilmu pengetahuan yang dipelajari dan diterapkan ketika belajar serta dimanfaatkan ketika bekerja.

Budaya inovasi

Nilai ini menggambarkan kesediaan masyarakat untuk mencuba perkara baharu dan berinovasi dalam apa jua lapangan diceburi, malah perlu dikenali sebagai individu yang mampu menjadi pemimpin dalam bidang masing-masing. Pelajar mesti berani berinovasi demi kebaikan, berani mencari penyelesaian baharu dalam menangani masalah dan bersedia untuk menjadi perintis dalam setiap bidang yang diterokai.

Budaya inovasi ini harus diamalkan dalam aktiviti akademik dan kokurikulum pelajar serta diteruskan ketika bekerja bagi membantu memajukan organisasi, masyarakat dan negara. Contohnya, Universiti Sains Islam Malaysia dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia menganjurkan pameran i-INNOVA (Islamic Innovations) setiap tahun bertujuan memupuk budaya inovasi di kampus.